



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular And Arts Division

Aras 1, 6 & 7, Blok E 13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333

Faks : +603 88841034/88886790

Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-4/1/1 Jld. 2 ()

18 Januari 2021

**Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

PEMBUKAAN SEMULA SISTEM PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) TAHUN 2020 BAGI KEMASUKAN MARKAH KOKURIKULUM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan verifikasi data Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) bagi tahun 2020, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mendapati terdapat sekolah yang tidak melengkapkan pengisian markah kokurikulum bagi tahun 2020 yang boleh memberi kesan kepada pemarkahan pelajar.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk / Tuan / Puan, sistem PAJSK bagi kemasukan markah kokurikulum tahun 2020 telah ditutup pada 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, bahagian ini akan membuka semula sistem PAJSK mulai **20 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2021** bagi memberi ruang kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk mengunci masuk permarkahan kokurikulum murid yang masih belum selesai bagi tahun 2020.

4. Pihak sekolah diingatkan supaya lebih peka pada jadual operasi sistem yang telah ditetapkan dan diharap perkara ini tidak akan berulang lagi.

5. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian aduan PAJSK, 03-88721649 atau e-mel aduan.pajsk@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAINAL ABAS)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

MFM/mfm